

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

**AAW 311 - PERAKAUNAN KEWANGAN PERTENGAHAN I**

Masa : [ 3 jam ]

---

**ARAHAN:**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LAPAN (8)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

---

1. Deraf akaun Tarzan Berhad bagi tahun berakhir 31 Disember 1998 adalah seperti berikut:

Tarzan berhad  
Akaun Untung dan Rugi  
bagi tahun berakhir 31 Disember 1998

	RM'000	RM'000
Jualan	549,752	
Kos barang dijual	327,411	
Untung kasar	<hr/> 222,341	

Tolak: Belanja operasi:

Gaji dan kebajikan kakitangan	17,369	
Susutnilai	103,011	
Faedah (bersih)	36,107	
Sewa loji	3,116	
Yuran pengarah	1,200	
Yuran profesional	1,750	
Pentadbiran am	4,510	
Pemasaran	1,057	168,390
Untung sebelum cukai		<hr/> 53,951
Cukai – cukai pendapatan	12,100	
- cukai tertunda	<hr/> 5,000	17,100
Untung selepas cukai		<hr/> 36,851

...2/-

Tarzan Berhad  
Kunci kira-kira  
seperti pada 31 Disember 1998

	RM'000	RM'000
Aset tetap (nilai buku bersih)		541,358
Aset semasa:		
Inventori	101,451	
Debtors	127,103	
Tunai	<u>26,156</u>	<u>254,710</u>
Liabiliti semasa:		
Akaun belum bayar perdagangan	41,926	
Lain-lain belum bayar	4,391	
Overdraft	23,735	
Peruntukan cukai	18,191	
Cukai tertunda	<u>22,000</u>	<u>110,243</u>
Aset semasa bersih		<u>144,467</u>
		<u>685,825</u>
Modal saham		200,000
Premium saham		25,000
Pinjaman jangka panjang		300,000
Perolehan tertahan		<u>160,825</u>
Jumlah		<u>685,825</u>

Berdasarkan pertanyaan anda, anda telah dapati bahawa:

- (i) Termasuk di dalam gaji dan kebijakan kakitangan ialah gaji yang telah dibayar kepada dua pengarah eksekutif sebanyak RM1,057,000.
- (ii) Termasuk di dalam faedah ialah faedah kasar yang telah diperolehi dari lebihan dana yang telah di simpan sebagai simpanan tetap berjumlah RM1,301,149.
- (iii) Yuran profesional terdiri dari:

	RM
Yuran peguam	1,445,132
Yuran juruaudit	250,000
Yuran bagi ramalan untung	55,000

Termasuk di dalam yuran peguam ialah RM275,000 yang telah dibayar kepada firma di mana seorang pengarah ialah rakan kongsi.

...3/-

- (iv) Termasuk di dalam belanja pemasaran ialah sewa bagi pejabat wakil di luar negeri sebanyak RM650,431.
- (v) Pengarah bercadang membayar dividen akhir tahun sebanyak 10% tolak cukai 30%.  
Ini masih belum diperuntukkan di dalam akaun.
- (vi) Termasuk di dalam jualan ialah kutipan kasar RM7,000,000 dari jualan sekeping tanah hakmilik bebas. Kos tanah sebanyak RM2,000,000 dan cukai keuntungan harta tanah ("real property gains tax") sebanyak RM250,000 telah termasuk di bahagian kos barang dijual. Kos peguam sebanyak RM50,000 telah dicaj kepada akaun untung dan rugi sebagai yuran profesional.
- (vii) Pinjaman jangka panjang telah diguna untuk membeli lini pemasangan otomatik sepenuhnya berharga RM275 juta.  
  
Pinjaman yang telah diperolehi sepanjang tahun telah dicagarkan dengan caj ke atas semua loji dan mesin syarikat. Kadar faedah ialah 1% lebih daripada kadar asas pinjaman bank (purata 8% sepanjang tahun) dan dibayar secara 20 ansuran separuh tahun. Ansuran pertama harus dibayar pada 30 Jun, 2000. Overdraft tidak dicagar dan kadar faedah ialah 9% setahun.
- (viii) Sepanjang tahun, untuk memenuhi keperluan modal kerja, syarikat telah menerbitkan 50 juta saham biasa pada premium RM0.50 setiap saham, yang telah dibayar sepenuhnya.
- (ix) Akaun belum terima termasuk lain-lain belum terima, simpanan dana pembayaran dahulu sebanyak RM1,149,001 dan pendahuluan tanpa faedah sebanyak RM1,000,000 kepada syarikat induknya, Titanic Berhad, yang boleh dibayar balik bila-bila masa.
- (x) Syarikat telah memberi jaminan ke atas pinjaman bank sebanyak RM5 juta kepada syarikat induknya.

**Dikehendaki:**

Sediakan Akaun Untung dan Rugi, Kunci Kira-Kira dan nota kepada akaun (abaikan nota kepada akaun tentang polisi perakaunan dan aset tetap) bagi Tarzan Berhad bagi tahun berakhir 31 Disember 1998 yang sesuai diterbitkan. Penyata Aliran Tunai **tidak** perlu disediakan.

[ 30 markah ]

...4/-

- 2 (a) Suria Berhad (“Suria”) ialah pengilang kasut. Tahun perakaunannya berakhir 31 Disember setiap tahun. Untung sebelum cukai bagi beberapa tahun yang lepas ialah lebih kurang RM500,000 setiap tahun dan keuntungan sebelum cukai bagi tahun 1998 dijangka tidak banyak berubah dari tahun-tahun yang lepas.

Juruaudit Suria hampir menghabiskan audit bagi akaun tahun 1998 dan berharap dapat habiskan kerja mereka pada 30 Mei 1999 apabila penyata kewangan dijangka akan diluluskan oleh pengarah untuk dikeluarkan. Senarai berikut telah disediakan oleh juruaudit kanan bagi perhatian pengurus juruaudit.

- (i) Sepucuk surat dari “receiver” sesuatu pelanggan utama pada 15 April 1999 telah memberitahu Suria bahawa pelanggan hanya mampu membayar RM0.10 bagi setiap Ringgit hutang disebabkan kebakaran yang berlaku pada bulan Februari 1999 yang telah merosakkan bangunan kilang dan lain-lain harta yang tidak dilindungi insuran. Amaun yang dihutang oleh pelanggan ini ialah RM200,000. Pada tahun 1999, Suria tidak berurusniaga dengan pelanggan ini.
- (ii) Suria telah membeli 1,000,000 saham IOI Berhad pada kos RM2,500,000 pada Jun 1998. Saham IOI diniagakan di Bursa Saham Kuala Lumpur pada RM3.00 sesaham. Tetapi, sejak Februari 1999, harga pasaran saham IOI telah menurun sehingga awal Mei 1999 apabila ia diniagakan pada RM2.00 sesaham. Pada 5 Mei 1999, Suria telah membeli 5,000,000 lagi saham IOI. Modal saham IOI terdiri dari 10,000,000 saham biasa pada RM1.00 setiap saham.
- (iii) Pada bulan Ogos 1998, pesaing Suria telah mendakwa bahawa Suria telah menceroboh tanda perniagaannya. Pada 31 Disember 1998, Suria dinasihat oleh peguamnya bahawa ia mempunyai peluang 50-50 untuk menang kes ini. Pada bulan April 1999, kes mahkamah telah di dengar dan ia telah diputuskan bahawa Suria perlu membayar gantirugi berjumlah RM100,000. Suria bersetuju membayar gantirugi dan menutup kes tersebut. Berikutan dengan penyelesaian kes ini, satu lagi pesaing telah menfail satu lagi kes mahkamah terhadap Suria bagi pencerobohan suatu jenis baru kasut yang Suria telah buat dan telah jual pada Mac 1999.

**Dikehendaki:**

Kenalpasti isu perakaunan terlibat di dalam setiap kes di atas dan cadangkan penyelesaian perakaunan bagi setiap kes.

[ 10 markah ]

...5/-

- (b) Apakah rangka kerja konsep perakaunan dan kenapa ia penting?

[ 5 markah ]

- 3 (a) Terangkan secara ringkas, dan beri satu contoh, apakah maksud setiap istilah yang diguna di penyata kewangan.

**Pilih 5 sahaja.**

- (i) butiran tak biasa (“exceptional items”)
- (ii) butiran luarbiasa (“extraordinary items”)
- (iii) cukai tertunda
- (iv) waran
- (v) stok pinjaman boleh di tukar
- (vi) kepentingan minoriti (“minority interests”) di penyata pendapatan
- (vii) Rizab Penebusan Modal
- (viii) Kaedah peratusan kontrak lengkap (bagi kontrak pembinaan)
- (ix) Hukum Garner lawan Murray

[ 15 markah ]

- (b) Apakah perbezaan di antara rizab boleh diagih dan rizab tidak boleh diagih? Beri contoh. Bagaimanakah rizab boleh diagih dan rizab tidak boleh diagih timbul? Apakah kegunaan setiap rizab yang anda telah beri.

[ 5 markah ]

4. Menang Berhad mengilang dan menjual barang ubatan dan alat sukan. Barang dijual melalui anak syarikatnya, satu anak syarikat di Malaysia dan satu lagi di Singapura.

Bagi tujuan penyampaian maklumat segmen pada tahun 1998, penyata kewangan gabungan Menang Berhad , anda telah mendapat maklumat berikut:

	Malaysia		Singapura	
	Alat sukan RM'000	Ubatan RM'000	Alat sukan RM'000	Ubatan RM'000
Jualan	100	225	175	250
Kos barang dijual	30	75	50	100
Belanja	25	55	75	75
Aset	500	750	600	600

...6/-

Sepanjang tahun 1998, disebabkan kekurangan stok alatan sukan di anak syarikat di Singapura barang sebanyak RM10,000 (pada polisi harga kos tambah 20%) telah dipindah dari anak syarikat di Malaysia ke anak syarikat di Singapura. Anak syarikat di Malaysia telah merekod pemindahan stok berikut sebagai jualan alatan sukan dan barang telah kemudiannya dijual oleh anak syarikat di Singapura sebelum akhir tahun 1998.

Belanja di atas tidak termasuk belanja sebanyak RM50,000 yang telah dibelanjakan oleh syarikat induk dan aset di atas tidak termasuk pelaburan syarikat induk di dalam saham pelbagai syarikat pada kos RM500,000.

Akaun untung dan rugi gabungan/kumpulan menunjukkan jualan kumpulan sebanyak RM740,000 dan untung sebelum cukai kumpulan sebanyak RM215,000. Jumlah aset kumpulan di kunci kira-kira kumpulan ialah RM2,950,000.

**Dikehendaki:**

Berdasarkan maklumat yang telah diberi di atas, sediakan maklumat segment (yang mematuhi IAS 14) di dalam penyata kewangan Menang Berhad bagi tahun 1998.

[ 15 markah ]

5. Maklumat berikut berkenaan aset tetap didapati dari buku Titanic Berhad, sebelum penyediaan penyata kewangan bagi tahun berakhir 1998.

(a) Baki awal:

Amaun angkut kasar pada 1.1.98	RM'000
Tanah dan bangunan hakmilik bebas (lihat nota di bawah)	9,000
Alatan-kos	500
Kenderaan - kos	300
Susutnilai terkumpul pada 1.1.98	
Bangunan hakmilik bebas	300
Alatan	200
Kenderaan	120

Nota: Tanah dan bangunan hakmilik bebas terdiri dari:

- (i) Tanah A dengan bangunan di atasnya. Ia dibeli pada tahun 1991 pada jumlah kos RM4,000,000. Ia dinilai semula pada tahun 1995 pada RM5,000,000 yang terdiri dari RM1,500,000 bagi tanah dan RM3,500,000 bagi bangunan (bangunan dijangka mempunyai baki usiaguna selama 35 tahun pada masa penilaian semula kini),

...7/-

- (ii) Tanah B dibeli pada tahun 1993 pada kos RM800,000 dan telah dinilai semula pada tahun 1996 pada RM1 juta. Tanah B telah dicagarkan sebagai cagaran kepada bank sebagai sekuriti untuk mendapat pinjaman bank dan
- (iii) Tanah C dibeli pada tahun 1994 pada kos RM2,500,000 dan dinilai semula pada tahun 1997 pada RM3,000,000.

(b) Susutnilai:

Semua aset tetap, kecuali tanah hakmilik bebas, disusutnilai dengan kaedah garis lurus tanpa nilai sisaan. Bagi aset yang dibeli atau dijual, susutnilai sepenuh tahun diperuntukkan pada tahun belian tetapi susutnilai tidak diperuntukkan pada tahun aset tetap dijual. Bagi aset yang dinilai semula pada sesuatu tahun, susutnilai sepenuh tahun perlu diperuntukkan berdasarkan amaun dinilai semula. Anggaran usiaguna bagi setiap kategori aset tetap adalah seperti berikut:

Bangunan	- 40 tahun
Alatan	- 10 tahun
Kenderaan	- 10 tahun

(c) Penilaian semula:

Tanah A dan bangunan telah dinilai semula pada 2 Januari 1998. Laporan dari firma profesional penilai menunjukkan bahawa:

- (i) berasaskan nilai pasaran bagi kegunaan semasa, tanah hakmilik bebas dinilai pada RM3 juta dan bagi bangunan ialah RM4 juta dan,
- (ii) berasaskan nilai pasaran bagi kegunaan alternatif, tanah hakmilik bebas dan bangunan dinilai pada RM9 juta.

Pengarah mempercayai bahawa penilaian perlu dibuat demi memberi nilai saksama bagi tanah dan bangunan. Penilaian akan direkod di dalam buku dengan hapus kira akaun susutnilai terkumpul dan lebihan penilaian semula akan dipindah terus kepada akaun rizab penilaian semula. Bangunan dijangka mempunyai baki usiaguna selama 32 tahun selepas penilaian ini.

(d) Belian pada tahun 1998:

Satu lagi tanah hakmilik bebas (tanah D) telah dibeli pada tahun 1998 pada kos RM1.5 juta tunai.

...8/-

Alatan baru telah dibeli dengan harga RM200,000 tunai pada tahun 1998.

Lori baru telah dibeli secara perjanjian sewa beli pada kos RM80,000. Dua bulan kemudian, sistem hawa dingin telah dipasang di dalam lori pada kos RM10,000 tunai. Sepanjang tahun 1998, caj servis kenderaan berjumlah RM8,000 tunai.

(e) Jualan pada tahun 1998:

Tanah C telah dijual dengan harga jualan RM4 juta tunai.

Alatan yang telah dibeli pada tahun 1995 pada kos RM100,000 telah dijual dengan harga jualan RM60,000 tunai.

Lori yang telah dibeli pada tahun 1991 dengan kos RM50,000 telah dijual dengan harga jualan RM30,000 tunai.

**Dikehendaki:**

- (i) Sediakan catatan jurnal (bagi tahun 1998 sahaja) untuk merekod urusniaga di atas yang mengikut Piawaian Perakaunan Antarabangsa (IAS) No. 16.
- (ii) Tunjuk bagaimakah maklumat berhubung dengan aset tetap harus didedahkan di penyata kewangan bagi tahun 1998 Titanic Berhad.

[ 20 markah ]

---ooo000ooo---